



GARIS PANDUAN TABUNG KHAIRAT STAF
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

Disediakan Oleh:

Seksyen Saraan, Kemudahan & Kebajikan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar



GARIS PANDUAN TABUNG KHAIRAT STAF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

1.0 PENGENALAN

Tabung Khairat Staf UniSZA adalah sebuah tabung yang diwujudkan bagi menjaga kebajikan kepada staf UniSZA. Ia dapat membantu dalam meringankan beban keluarga ahli/ waris sekiranya berlaku kematian/ musibah. Semua staf UniSZA adalah digalakkan untuk mendaftar sebagai ahli tabung ini.

2.0 TAKRIFAN STAF UniSZA

“**STAF UniSZA**” bermaksud seseorang yang memegang sesuatu jawatan dan dibayar emolumen oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Jenis perjawatan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- 2.1 Tetap
- 2.2 Kontrak
- 2.3 Sambilan (PSH)
- 2.4 Pinjaman
- 2.5 Skim Dalaman
 - i. Pengajar Khas
 - ii. Perkhidmatan Kepakaran Luar
 - iii. Pengajar UniSZA
 - iv. Penyelidik Pasca Doktorat dan
 - v. Latihan Akademik (Penolong Pensyarah)/ Tutor.

❖ *Takrifan ‘staf’ dalam garis panduan ini hanya terpakai kepada Tabung Khairat sahaja.*



3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Tabung Khairat Staf UniSZA ini ditubuhkan rentetan daripada cadangan yang diutarakan di dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

3.2 Matlamat asas penubuhan Tabung Khairat Staf UniSZA adalah untuk:

- i. Menyalurkan sumbangan dan membantu meringankan beban ahli atau waris akibat musibah yang dialami.
- ii. Menyatu padukan warga UniSZA dan memupuk semangat bekerjasama ketika ditimpa kesusahan dan kesedihan, dan
- iii. Mengurus dan mengumpul wang tabung dengan berkesan dan mengeluarkan wang tabung kepada pihak berkaitan dengan kadar segera.

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN

4.1 Kelayakan

Semua staf UniSZA boleh mendaftar sebagai ahli dengan mengisi Borang Pendaftaran Ahli Tabung Khairat Staf UniSZA.

4.1.1 Tetap;

Semua staf tetap yang mencarum adalah ahli selama mana caruman dibuat. Keahlian secara automatik akan terbatal apabila ahli dalam status **CUTI TANPA GAJI**. Walau bagaimanapun, keahlian boleh diteruskan dengan melakukan pembayaran caruman melalui kaedah bayaran terus mengikut prosedur yang ditetapkan.



4.1.2 Kontrak;

Semua staf kontrak yang mencarum adalah ahli sepanjang tempoh pelantikan kontrak. Keahlian secara automatik akan terbatal apabila tempoh pelantikan tamat. Walau bagaimanapun, caruman boleh diteruskan apabila tempoh pelantikan diperbaharui mengikut prosedur yang ditetapkan.

4.1.3 Sambilan (PSH);

Semua staf sambilan yang mencarum adalah ahli sepanjang tempoh pelantikan sambilan. Pembayaran caruman adalah secara pukal (3 bulan). Keahlian secara automatik akan terbatal apabila tempoh pelantikan tamat. Walau bagaimanapun, caruman boleh diteruskan apabila tempoh pelantikan diperbaharui mengikut prosedur yang ditetapkan.

4.1.4 Pinjaman;

i. Staf UniSZA dipinjam ke Agensi Luar

Staf UniSZA yang dipinjamkan ke agensi luar adalah ahli sekiranya meneruskan caruman sepanjang tempoh peminjaman. Keahlian secara automatik akan terbatal jika caruman tidak dilakukan. Walau bagaimanapun, caruman boleh diteruskan melalui kaedah bayaran terus mengikut prosedur yang ditetapkan.

ii. Staf Agensi Luar dipinjam ke UniSZA

Staf agensi luar yang dipinjamkan ke UniSZA adalah ahli sekiranya mencarum sepanjang tempoh peminjaman. Keahlian secara automatik akan terbatal jika caruman tidak dilakukan dan staf kembali ke agensi asal.



4.1.5 Skim Dalaman:

Semua staf dalam kategori skim dalaman yang mencarum adalah ahli sepanjang tempoh pelantikan yang dibayar elaun. Keahlian secara automatik akan terbatal apabila tempoh pelantikan tamat dan pembayaran elaun dihentikan. Walau bagaimanapun, caruman boleh diteruskan sepanjang tempoh pelantikan yang tidak menerima elaun melalui kaedah bayaran terus mengikut prosedur yang ditetapkan.

4.2 Kaedah Pendaftaran dan Yuran Khairat

4.2.1 Staf hendaklah mengisi Borang Pendaftaran Ahli Tabung Khairat Staf UniSZA dengan lengkap. Borang boleh dimuat turun melalui laman web Pejabat Pendaftar (<https://pendaftar.unisza.edu.my>),

4.2.2 Pendaftaran yang dibuat pada ketika/hari berlakunya satu-satu kematian/musibah semata-mata untuk mendapatkan wang sumbangan **tidak layak menerima sumbangan** tersebut dengan serta merta tetapi keahliannya boleh diterima,

4.2.3 Sumbangan layak diterima setelah **potongan bulanan pertama** dibuat,

4.2.4 Yuran keahlian adalah sebanyak **RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja) setiap bulan.**

4.2.5 Simpanan adalah kekal di dalam tabung khairat sebagai infaq apabila staf **bersara** atau **meletak jawatan** atau **ditamatkan perkhidmatan.**



4.3 **Manfaat Sumbangan** adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Manfaat Sumbangan Tabung Khairat Staf UniSZA

Jenis	Jumlah Sumbangan
i. Kematian:	
a) Ahli	RM5,000.00
b) Pasangan	RM3,000.00
c) Anak	RM1,000.00
d) Ibu Bapa	RM500.00
ii. Ahli bersara atas sebab kesihatan:	
a) Hilang upaya kekal (yang tidak membolehkan staf bekerja), dan	RM5,000.00
b) Sakit (penyakit kronik) yang tidak membolehkan staf bekerja selamanya.	RM5,000.00

4.3.1 Selain ahli, sumbangan bagi kes kematian turut diberikan kepada 'ahli keluarga terdekat'. Tafsiran¹ adalah seperti berikut:

'Ahli keluarga terdekat' bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat (yang sah di sisi undang-undang), ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara.

'Anak kandung' bermaksud anak lelaki atau anak perempuan kepada pasangan suami isteri yang juga dipanggil sebagai anak sendiri.

¹ Tafsiran mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2015 berkaitan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat



‘Anak angkat’ bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula (sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257]).

‘Anak angkat *de facto*’ bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh pegawai sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan *de facto*, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah seksyen 6, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).

‘Anak pelihara’ bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).

‘Bapa angkat’ bermaksud bapa kepada anak angkat seperti diperuntukkan di bawah Akta 257.

‘Bapa mentua’ bermaksud bapa kandung kepada isteri atau suami yang sah.

‘Ibu angkat’ bermaksud ibu kepada anak angkat seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 257.

‘Ibu mentua’ bermaksud ibu kandung kepada isteri atau suami yang sah.

4.3.2 Sekiranya mana-mana ‘ahli keluarga terdekat’ juga merupakan ahli Tabung Khairat Staf UniSZA, hanya 1 manfaat sumbangan akan diberikan (mengambil kira manfaat tertinggi). Sebagai



contoh, Encik A dan pasangan, Puan B merupakan ahli Tabung Khairat UniSZA. Apabila Encik A meninggal dunia, Puan B atau waris akan mendapat RM5,000 (kelayakan waris ahli) dan bukan RM3,000 (kelayakan pasangan).

- 4.3.3 Hanya 1 pihak yang layak menuntut bagi satu musibah kematian apabila lebih daripada seorang 'ahli keluarga terdekat' mendaftar sebagai ahli Tabung Khairat Staf UniSZA.
- 4.3.4 Bagi pasangan (isteri), manfaat sumbangan hanya sah kepada pasangan yang didaftarkan dalam sistem di UniSZA sahaja.
- 4.3.5 Anak kandung, anak angkat, anak angkat *de facto* dan anak pelihara yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh ahli yang berumur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun. Walau bagaimanapun bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai.
- 4.3.6 Manfaat sumbangan adalah tidak layak diberikan bagi musibah keguguran kandungan di bawah 6 bulan.
- 4.3.7 Bagi kes bersara atas sebab kesihatan, pembayaran akan dilakukan setelah menerima laporan dan keputusan daripada pihak Lembaga Perubatan.
- 4.3.8 Lain-lain sumbangan akan diputuskan dari semasa ke semasa berdasarkan permohonan dan kes yang berlaku oleh Jawatankuasa Tabung Khairat UniSZA.



4.4 Kaedah Pembayaran Wang Khairat

4.4.1 Waris perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi tuntutan pembayaran tabung khairat sepertimana berikut;

- i. Borang Tuntutan Tabung Khairat UniSZA
- ii. Salinan kad pengenalan si mati/ pesara
- iii. Salinan sijil kematian
- iv. Salinan permit menguburkan
- v. Salinan surat persaraan yang dikeluarkan oleh JPA
- vi. Salinan laporan perubatan
- vii. Salinan kad pengenalan waris yang menuntut
- viii. Bukti perhubungan orang yang menuntut dengan orang yang meninggal dunia
- ix. Salinan dokumen lain yang berkaitan.

4.4.2 Tuntutan tabung khairat perlu dihantar kepada pihak urusetia iaitu Seksyen Saraan, Kemudahan dan Kebajikan, Pejabat Pendaftar bagi urusan semakan dan kelulusan.

4.4.3 Pejabat Bendahari akan melakukan pembayaran melalui cek/ pindahan terus ke akaun secara elektronik (*Electronic Funds Transfer* (EFT)) kepada ahli/ waris yang sah setelah diluluskan, dan

4.4.4 Pembayaran akan dilakukan dalam tempoh 7 hari bekerja.



5.0 JAWATANKUASA TABUNG KHAIRAT STAF UniSZA

5.1 Tanggungjawab dan Terma Rujukan Jawatankuasa Tabung Khairat Staf UniSZA

5.1.1 Keahlian jawatankuasa adalah terdiri daripada:

Pengerusi	Pendaftar
Timbalan Pengerusi	Timbalan Pendaftar
Ahli	Bendahari
Ahli	Wakil Pengarah Pusat Pengurusan Infrostruktur dan Rangkaian
Ahli	Wakil Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (Bidang Faraid)
Ahli	Wakil Persatuan Staf Akademik (PSA)
Ahli	Wakil Persatuan Pegawai Pengurusan & Profesional (PENGEMUDI)
Ahli	Wakil Kesatuan Kumpulan Pelaksana (KKP)
Urusetia	Pejabat Pendaftar

5.1.2 Pelantikan ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

- i. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa dilantik oleh Naib Canselor UniSZA,
- ii. Timbalan Pengerusi (Timbalan Pendaftar) merupakan pengerusi ganti tetap,
- iii. Tempoh pelantikan adalah mengikut jawatan yang dilantik atau keanggotaan di dalam sesebuah persatuan,



- iv. Keanggotaan di dalam jawatankuasa dikira tamat apabila pegawai yang dilantik tidak lagi memegang sesuatu jawatan atau tidak lagi menganggotai sesebuah persatuan, dan
- v. Bilangan ahli jawatankuasa boleh ditambah sekiranya perlu mengikut keadaan semasa.

5.1.3 **Fungsi dan tanggungjawab** jawatankuasa adalah seperti berikut:

- i. Memantau penggunaan wang Tabung Khairat Staf UniSZA,
- ii. Memutuskan penggunaan wang Tabung Khairat Staf UniSZA,
- iii. Memutuskan nilai sumbangan kebajikan bagi keadaan lain selain kematian staf dan bersara atas sebab kesihatan,
- iv. Melawat/menziarahi staf/waris yang ditimpa musibah,
- v. Menyediakan laporan akaun semasa jika diperlukan kepada Pihak Pengurusan, dan
- vi. Memantau sistem pendaftaran keahlian dan laporan kewangan tabung secara *online* yang disediakan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM).

5.1.4 **Mesyuarat Jawatankuasa**

- i. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan kebajikan ahli sebagaimana permohonan yang dikemukakan bagi pertimbangan jawatankuasa, dan



- ii. Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, pengerusi boleh mewakilkan kuasa kepada Timbalan Pengerusi (pengerusi ganti tetap) untuk mempengerusikan mesyuarat.

6.0 KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa garis panduan ini adalah mulai **1 Ogos 2019** dan sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keperluan semasa.